

bulan julai

Written by Administrator

Wednesday, 11 October 2017 11:25 - Last Updated Wednesday, 25 October 2017 15:43



eBuletin

JUL
BIL 8/2017

SK KELULUT / SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN / SKKELULUT.EDU.MY / TBA4023@MOE.EDU.MY

Sambutan Hari Raya 6 Julai 2017 (Khamis)



Majlis Hari Raya Aidilfitri SK Kelulut disambut meriah pada 6 Julai 2017 oleh warga sekolah bermula jam 8.30 pagi sehingga 12.00. Pelbagai juadah dinikmati bersama dan pelbagai acara pentas dipersembahkan oleh murid-murid. Pihak sekolah turut menyampaikan sumbangan kepada murid-murid yatim. Sambutan kali ini bertambah unik dan meriah dengan penglibatan ibu bapa dengan membawa juadah dari rumah masing-masing.

PERLAWANAN BOLA SEPAK SEKOLAH-SEKOLAH KPM NEGERI TERENGGANU 20-21 JULAI 2017



Pada 20-21 Julai 2017 pasukan bola sepak SK Kelulut terpilih ke pertandingan Bola Sepak Sekolah Rendah KPM Negeri Terengganu di Jenagor, Hulu Terengganu anjuran Bank Kerjasama Rakyat. Pasukan sekolah telah layak bertanding ke peringkat suku akhir. Pada hari Ahad berikutnya setiap pemain telah dihadaiahkan sehelai Jersi.

KEM LOMPATAN BERGANDA UPSR 27 JULAI HINGGA 26 OGOS 2017

Kem Lompatan Berganda SK KELULUT untuk murid Tahun 6 selama 5 minggu bermula 27/7/2017- 26/8/2017. Program ini bertujuan untuk memberi latihan intensif dan teknik menjawab kepada calon-calon UPSR 2017. Murid-murid sentiasa diberi suntiakn motivasi untuk terus bersemangat menggapai kejayaan.



Selangkah ke hadapan

bulan julai

Written by Administrator

Wednesday, 11 October 2017 11:25 - Last Updated Wednesday, 25 October 2017 15:43
